

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2019/10/15 - 52

### PEMANTAPAN AGENDA PERCUKAIAN NEGARA MENERUSI PELAN TRANSFORMASI HASIL LHDNM

Kuala Lumpur, 15 Oktober – Pemantapan agenda percukaian negara menerusi Pelan Transformasi Hasil (TH) merupakan fokus utama Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dalam usaha untuk meningkatkan pematuhan cukai, menutup kebocoran dan ketirisan hasil seterusnya meningkatkan kutipan hasil negara.

Berucap di pentas Seminar Percukaian Kebangsaan 2019 (SPK2019) bertempat di Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur, YB Tuan Lim Guan Eng, Menteri Kewangan Malaysia berkata “menerusi Pelan Transformasi Hasil, LHDNM akan memanfaatkan sepenuhnya teknologi *Big Data* dalam mengesan pembayar cukai yang culas yang masih tidak berada dalam jaringan percukaian negara dan seterusnya akan meningkatkan hasil pendapatan negara agar kerajaan dapat menunaikan komitmen yang dijanjikan”. Ujar beliau lagi, usaha LHDNM ini turut akan membantu kerajaan dalam memantau aktiviti ekonomi sedia ada dan yang terkeluar dari radar seperti ekonomi bayangan atau *shadow economy* yang akan menjadi fokus kerajaan memandangkan saiz sektor ini adalah sekitar 21% daripada KDNK negara.

Dato' Sri Sabin bin Samitah dalam ucapannya pula berkata "LHDNM akan mengatur strategi pematuhan, kesedaran dan pendidikan cukai yang sewajarnya bagi memastikan kadar kutipan cukai yang seharusnya dikutip adalah selari dengan peningkatan kadar pertumbuhan ekonomi negara, manakala aktiviti penguatkuasaan akan diperkemaskan bagi memastikan tidak berlaku sebarang ketirisan pada hasil negara, selain menegakkan prinsip keadilan dalam pelaksanaan polisi percukaian yang berkuatkuasa".

### **Pasca Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS)**

Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) secara rasminya telah tamat pada 30 September 2019 yang lalu. Sebagaimana yang dimaklumkan sebelum ini, kerajaan telah memutuskan untuk tidak memanjangkan tempoh PKPS atau melaksanakan PKPS 2.0 kerana pembayar cukai telah diberikan masa yang mencukupi untuk menyelesaikan isu percukaian mereka sepanjang tempoh program ini berlangsung. Pada ketika ini, kadar penalti yang akan dikenakan adalah pada kadar semasa iaitu antara 45% - 300% bergantung kepada jenis-jenis kesalahan berdasarkan Akta Cukai Pendapatan 1967.

Justeru itu, LHDNM ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pembayar cukai yang telah membuat pengakuan sukarela sepanjang tempoh program ini dijalankan. Program ini akan terus kekal terpahat menjadi sejarah buat Malaysia terutamanya dalam mereformasikan sistem percukaian negara.



Turut hadir sama dalam program ini ialah barisan Anggota Lembaga LHDNM, Timbalan-Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM, Pengarah-Pengarah Kanan LHDNM, Presiden-Presiden Badan Profesional dan juga pegawai-pegawai LHDNM.

Sila layari portal rasmi LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) untuk keterangan lanjut.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



---

**Dikeluarkan Oleh:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 / 21695 | 📠 : 03-8313 7873  
Hasil Careline : 1-800-88-5436 (LHDN)  
Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 15 Oktober 2019**



/LHDNM



@LHDNMOfficial



LHDNM



lhdnTube



**Gambar 1 : YB Tuan Lim Guan Eng semasa menyampaikan ucapan perasmian program SPK 2019.**



**Gambar 2 : Dato' Sri Sabin bin Samitah semasa menyampaikan ucapan alu-aluan program SPK 2019.**



**Gambar 3 : YB Tuan Lim Guan Eng (tengah) menyempurnakan upacara perasmian bersama-sama dengan Dato' Sri Sabin bin Samitah (kiri gambar) dan Encik Adenan bin Che Semail, Pengarah Negeri WPKL (kanan gambar).**



**Gambar 4 : Peserta-peserta Program Seminar Percukaian Kebangsaan 2019**

